


SUBJEK UMUM

APLIKASI KOMPUTER (ICT)




http://www

DUTY: 4.0

INTERNET

(Internet Overview & Types of Web Browser)

INTERNET



Para pelajar mesti boleh:


- Tahu apa itu Internet.
- Tahu apa itu URL.
- Kenal alamat tapak Web.

APAKAH INTERNET ITU ?



- Internet adalah jaringan komputer yang ada diseluruh dunia. Jumlah jaringan ini bertambah setiap hari.
- Internet boleh dikatakan sebagai satu alat kepada pengguna untuk mencari dan mencapai maklumat atau sumber yang boleh diperolehi di mana-mana saja di dunia ini.
- Internet bagaikan sebuah kota elektronik yang sangat besar dimana setiap penduduk memiliki alamat (***Internet Address***) yang digunakan untuk berkirim surat atau informasi.

APAKAH INTERNET ITU ?



- Jika penduduk itu ingin berkeliling kota, cukup dengan menggunakan komputer sebagai kendaraan. Jaringan jalannya bertumpu di atas sarana atau media telekomunikasi. Jalur lambatnya menggunakan line telepon, dan jalur cepatnya bisa menggunakan Leased-line atau ISDN.
- Kerana sifatnya berupa ruang yang mirip dengan dunia kita sehari-hari, maka internet boleh kita sebut sebagai ruang maya (***Cyberspace***).
- Terdapat organisasi yang membangunkan aspek teknikal dan menetapkan standard piawaian dalam jaringan supaya sebarang aplikasi dapat disesuaikan dalam Internet.

KONSEP INTERNET

- Internet ialah satu singkatan bagi perkataan “inter network”. Merupakan rangkaian bagi rangkaian komputer global (WAN) yang menghubungkan berjuta-juta komputer di dunia.
- Semua komputer yang menggunakan Internet berkomunikasi diantara satu sama lain dengan menggunakan *Transmission Control Protocol / Internet Protocol (TCP/IP)* dan menggunakan ‘*client-server architecture*’.
- Server remote menyediakan fail dan perkhidmatan kepada local client mesin pengguna.



SEJARAH RINGKAS INTERNET NEGARA



1992	Rakyat Malaysia mula menggunakan kemudahan internet lengkap melalui Jaring. JARING iaitu singkatan bagi Joint Advanced Research Integrated Network Group. Ianya merupakan sebuah organisasi di bawah MIMOS (Malaysia Institute of Microelectronic System).
1994	Pelanggan Internet telah bertambah dengan jumlah 1,189 orang
1995	Perdana Menteri YAB Tun Dr Mahathir Mohamad telah mencipta sejarah pada 27 Disember 1995 apabila menjadi pemimpin kerajaan yang pertama di dunia yang berdialog menerusi internet.
1995	TMNet menjadi pembekal perkhidmatan internet (ISP-Internet Service Provider) yang kedua di Malaysia.

PENGGUNAAN INTERNET



- ✚ **Keperluan minima – satu unit komputer beserta modem dan line telefon.**
- ✚ **Buat pendaftaran ke Internet Service Provider (ISP) untuk akses ke internet cth. Jaring, TM Net, dsb.**
- ✚ **Jenis sambungan yang diberikan oleh Internet Service Provider:**

i. ISDN (Integrated Services Digital Network) / Lease-line

- **NIC digunakan sebagai medium sambungan ke Internet melalui ISP menerusi IP (Internet Protocol).**
- **Skop : institusi / organisasi / perniagaan**

ii. Dial UP Connection / Broadband

- **Modem / NIC digunakan sebagai medium sambungan ke Internet melalui ISP menerusi Dial Up akses / IP.**
- **Skop : individu / keluarga**



PENYEDIA PERKHIDMATAN INTERNET (ISP)



JARING – (sykt. MIMOS)

- Singkatan “Joint Advanced Research Integrated Networking”.
- Satu rangkaian komputer di Malaysia yg disambungkan kepada rangkaian komputer di seluruh dunia.
- Mula beroperasi pada 1992.

TMNet – (sykt. Telekom)

- TMNet ialah rangkaian komputer yang disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad.
- TMB merupakan syarikat yang kedua menjadi pembekal Internet (Internet Service Provider-ISP) kepada penduduk Malaysia.

TIME Net – (sykt. TIME)

- Mula beroperasi tahun 2000
- Rangkaian Fibre-Optic

Maxis Net – (sykt. Maxis)

- Mula beroperasi tahun 2000



CONTOH PERISIAN DIDALAM KOMPUTER UNTUK INTERNET




Perkhidmatan	Perisian yang diperlukan
Enjin Carian (Web browser)	Internet Explorer / Netscape Navigator / Opera / dll.
Mel Elektronik	yahoo / hotmail / gmail / dll.
Internet Relay Chat	YM / WM / mIRC / mIRCQ / dll

PENERANGAN

Enjin Carian (web browser)

- ◆ Sebuah perisian aplikasi yang membolehkan pengguna berinteraksi melalui paparan teks, imej dan informasi yang lain dimana ianya secara amnya ditempatkan di laman web atau di rangkaian setempat.
- ◆ Teks dan imej pada laman web boleh dijadikan hyperpautan (hyperlinks) dengan dipautkan ke laman web atau tapak web yang lain.
- ◆ Enjin carian membolehkan pengguna mengakses maklumat yang disediakan di laman web dipelbagai tapak web yang banyak dengan cepat dan mudah.



PENERANGAN



Mel Elektronik (E-mail)


- ④ Sebuah perisian aplikasi yang membolehkan pengguna menghantar dan menerima surat atau mesej berteks.
- ④ Selain dari teks ia juga boleh menghantar maklumat yang berbeza format seperti imej dan audio.
- ④ Untuk menghantar dan menerima e-mel, pengguna perlu tahu dan perlu ada alamat mel elektronik (E-mail address)
- ④ Cth :- pengguna@lamanweb.com
polan@yahoo.com.my
saya@ilpkls.gov.my



PENERANGAN

Internet Relay Chat (IRC)


- ④ IRC adalah merupakan perisian aplikasi komunikasi segera didalam Internet.
- ④ Ianya direka secara khusus untuk komunikasi secara berkumpulan (many-to-many) di dalam chanel forum perbincangan.
- ④ Walau bagaimanapun ia tetap membenarkan komunikasi satu-sama-satu (one-to-one).



LAMAN WEB

Laman web ialah dokumen dalam bentuk 'HTML (HyperText Markup Language)' pada 'World Wide Web'.

MELAYARI WEB



- Ia bergerak dari satu tapak web (website) ke satu tapak web yang lain sambil menyemak imbas (browse) laman web (web page) berkenaan.
- Di Internet, dokumen yang berbentuk hiperpautan (hyperlink) disimpan di dalam lokasi komputer yang dipanggil tapak web (web site). Setiap tapak web ada nama tersendiri yang unik.

URL

URL adalah kata nama singkatan bagi *Uniform Resource Locator* . Nama yang menentukan satu tapak website. Untuk menaip alamat tapak website yang dikehendaki, adalah perlu untuk menaip URL terlebih dahulu iaitu <http://www> dimana [http](http://www) bermaksud *HyperText Transfer Protocol*, manakala www bermaksud *World Wide Web*.



TAPAK WEB (WEBSITE)

- Tapak Web – pelayan (server) yang menyimpan dokumen web. Ia adalah komputer yang berkuasa tinggi dan mampu stor / simpan dokumen yang banyak.
- Antara tapak web Malaysia:

<http://www.mol.com.my> MALAYSIA ONLINE Homepage

<http://www.jaring.my> JARING Homepage

<http://www.thestar.com.my> THE STAR Homepage

<http://www.mdc.com.my> MULTIMEDIA DEVELOPMENT



MEMAHAMI ALAMAT TAPAK WEB / INTERNET


◆ Domain - nama khas bagi kumpulan yang ada di internet.

• Kategori Domain:

Syarikat Perniagaan	.com
Kerajaan	.gov
Institut Pendidikan	.edu
Pembekal ISP	.net
Organisasi	.org
Tentera	.mil

◆ Negara:


Malaysia	.my
United Kingdom	.uk
Jepun	.jp
Belgium	.be
Singapore	.sg



MEMAHAMI ALAMAT TAPAK WEB / INTERNET

 Contoh:

<http://www.thestar.com.my>



URL

World
Wide Web

Nama

Kategori
Domain

Negara




PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

- ▶ Membaca Berita
- ▶ Menghantar E-mail
- ▶ Pertukaran fail
- ▶ Paparan multimedia
- ▶ Perisian Percuma
- ▶ Mencari Pekerjaan
- ▶ Permainan Video
- ▶ Kursus Secara On Line
- ▶ Kajian Dan Penyelidikan
- ▶ Interactive collaboration
- ▶ Video Conferencing
- ▶ Radio Internet
- ▶ E-Dagang



KUIZ



- Senaraikan 5 'Web Browser' yang terdapat di Internet.
- Dapatkan 4 nama laman web berikut dengan melayari Internet:
 - 1) Institusi Pendidikan
 - 2) Berita / Suratkhobar
 - 3) Perbankan (Bank)
 - 4) Badan Kerajaan
 - 5) Badan Perniagaan

